

## TAHAP PENGUASAAN GURU TERHADAP KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BELAJAR SAMBIL BERMAIN PASCA COVID DI TABIKA KEMAS

*The Level of Teachers' Mastery On Teaching And Learning Methods of Learning while  
Playing Used Post-Covid In TABIKA KEMAS*

Noraina Maliha Binti Ismail<sup>1</sup>, Qalam Rabi'ah Binti Ibrahim<sup>2</sup>, Romarzila Binti Omar<sup>1</sup>

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak, Malaysia<sup>1</sup>  
Universiti Islam Melaka (UNIMEL), Melaka, Malaysia<sup>2</sup>

M20211001068@siswa.upsi.edu.my<sup>1</sup>, rabiah@unimel.edu.my<sup>2</sup>, romarzila@fpm.upsi.edu.my<sup>3</sup>

\*Corresponding Author

**Received:** 9 October 2023; **Accepted:** 04 April 2024; **Published:** 25 April 2024

**To cite this article (APA):** Ismail, N. M., Ibrahim, Q. R., & Omar, R. (2024). The Level of Teachers' Mastery On Teaching And Learning Methods of Learning while Playing Used Post-Covid In TABIKA KEMAS. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 13(1), 31–42. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.3.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/jpak.vol13.1.3.2024>

### ABSTRAK

Ekoran daripada pandemik COVID 19, sistem pengajaran dan pembelajaran yang biasa dijalankan disekolah tidak lagi dapat dilaksanakan seperti biasa. Bagi meneruskan pembelajaran, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarahkan guru-guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran dirumah (PdPR). Untuk memastikan guru dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dirumah sebagai alternatif pembelajaran norma baharu, Pihak KPM telah membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran dirumah yang pertama pada tahun 2020 dan yang kedua tahun 2021. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilaksanakan bagi melihat tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid. Kajian ini melibatkan 135 orang responden yang terdiri daripada kalangan guru Tabika KEMAS di Negeri Melaka. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengkaji dan mengukur tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid di Tabika KEMAS. Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27 untuk mendapatkan taburan min, peratusan dan sisihan piawai. Dapat dilihat mendapat secara keseluruhan min tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid di Tabika KEMAS yang diperolehi ialah 3.99 (SP = 0.62), manakala dari segi pengetahuan guru mempunyai nilai min sebanyak 3.98 (SP = 0.65) dan perlaksanaannya mempunyai nilai min sebanyak 4.00 (SP = 0.64). Dengan ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan guru terhadap pengetahuan dan perlaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid berada pada tahap yang tinggi kerana mereka telah didedahkan dengan amalan pengajaran belajar sambil bermain.

**Kata kunci:** Belajar sambil bermain, Kaedah pengajaran dan Pembelajaran Pasca Covid, Covid 19, PdPR

## ABSTRACT

*Due to the COVID-19 pandemic, the teaching and learning system that used to be carried out in schools can no longer be implemented as usual. To continue learning, the Ministry has instructed educators to carry out teaching and learning at home (PdPR). To ensure that educators can implement teaching and learning at home as the learning alternative in the new norm, the Ministry of Education Malaysia has developed the first home-based teaching and learning module in 2020 and followed by the second module in 2021. With reference to that, this study was carried out to see the level of teachers' mastery of post-covid teaching and learning while playing. This study involved 135 respondents consisting of teachers of Tabika KEMAS in the state of Melaka. The Data obtained were analyzed by descriptive statistics using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 27 to obtain the mean distribution, percentage and standard deviation. The findings of the study found that the overall mean level of teacher mastery of teaching and learning methods while playing post-Covid at Tabika KEMAS obtained is 3.99 ( $SP = 0.62$ ), while in terms of teacher knowledge the mean value is 3.98 ( $SP = 0.65$ ) and its implementation has a mean value of 4.00 ( $SP = 0.64$ ). This shows that the level of teachers' mastery of the knowledge and implementation of teaching methods and learning while playing post-Covid is at a high level because they have been exposed to the teaching practice of learning while playing.*

**Keywords :** Learning through playing, Teaching and Learning Methods Post-Covid, Covid 19, PdPr

## PENGENALAN

Episod baharu sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru bermula apabila berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan COVID-19, yang diumumkan oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 26 Mac 2020. Seramai 1.5 bilion pelajar dari lebih 165 negara tidak dapat meneruskan pendidikan mereka. Sehubungan dengan itu, guru perlu menghadapi arus perubahan, kemodenan, dan mengikuti perkembangan semasa yang berlaku. (Wan Ya Shin, 2020). Apabila Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020, Malaysia merupakan antara negara yang mengambil tindakan untuk menutup sekolahnya. Pelajar di institusi pendidikan rendah, menengah dan tinggi masih tidak dapat meneruskan pengajian mereka secara bersemuka dengan guru, walaupun Perintah Kawalan Pergerakan dilonggarkan. Ini adalah bertujuan untuk menghentikan wabak Covid-19 daripada terus merebak. (Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, 2021). Pendidikan atas talian telah berkembang menjadi sangat penting pada peringkat ini. Oleh yang demikian, proses pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan menggunakan Google Classroom (GC), Google Meet (GM), Zoom, aplikasi melalui Whatapps dan Telegram, serta kaedah pembelajaran maya yang lain.

Kanak-kanak di prasekolah atau tadika tidak terkecuali, guru juga perlu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian dirumah. Bagi kanak-kanak prasekolah, adalah agak mencabar untuk melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Ini kerana berdasarkan kajian lepas, pada peringkat awal kanak-kanak adalah sukar untuk mereka memberikan fokus terhadap sesuatu dalam jangka masa yang lama. Seperti dapatan kajian yang dilakukan oleh Siti Nurbaizura Che Azizan dan Nurfaradilla Mohamad Nasri (2020) menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah semasa tempoh pandemik Covid-19 adalah kesukaran mewujudkan komunikasi dua hala bersama kanak-kanak kerana mereka sukar untuk memberi tumpuan terhadap apa yang mahu disampaikan. Pendidikan moden sedang berkembang untuk menghadapi cabaran dunia yang

sedang membangun (Mary Yap Kain Ching, 2015). Pandemik Covid-19 sebenarnya telah mempercepatkan penerimaan penduduk negara ini terhadap pembelajaran maya, yang pada asalnya dijangka mengambil masa yang lebih lama untuk menyesuaikan diri (Ima & Adam, 2020). Pandemik COVID-19 telah memaksa guru menyesuaikan diri dengan norma baharu yang mewajibkan mereka bekerja dari rumah, mengubah rutin harian dan budaya di tempat kerja sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). (Rahayu et al. 2020). Mazura dan Wak Chu Wok (2018) menyatakan sehingga 80% guru sekolah tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk menentukan sejauh mana guru Tabika KEMAS memahami dan melaksanakan kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid.

## **SOROTAN LITERATUR**

Teori Friedrich Wilhelm Froebel (1782-1852) menyatakan bahawa bermain adalah pendidikan dimana kanak-kanak akan berasa gembira ketika bermain atau melakukan aktiviti yang secara tidak langsung dapat mempelajari sesuatu dari aktiviti tersebut. Menurut Froebel juga guru dan ibubapa sebagai pemantau sahaja dan guru harus menyediakan bahan permainan seperti bola, blok dan lain-lain lagi. (Azizah Lebai Nordin, 2011). Teori Montessori, yang menyokong teori Froebel belajar melalui bermain, berpendapat bahawa kanak-kanak secara aktif "bekerja" untuk menguasai sesuatu kemahiran semasa mereka bermain (Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad, 2007). Permainan dan bermain adalah sifat kanak-kanak. Memandangkan aktiviti bermain adalah sebahagian sifat semula jadi dalam kehidupan kanak-kanak, memasukkannya ke dalam kurikulum untuk pendidikan kanak-kanak akan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kanak-kanak dapat belajar dan memahami masalah yang berlaku di sekeliling mereka melalui aktiviti bermain dalam situasi yang menyeronokkan dan signifikan kepada mereka. Menurut pakar dalam bidang perkembangan kanak-kanak, perkembangan kognitif, sosial, emosi, dan fizikal kanak-kanak boleh diperkembangkan dengan aktiviti bermain. Oleh kerana bermain adalah lumrah kehidupan kanak-kanak, pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak lebih berkesan apabila dilakukan melalui aktiviti bermain.

Kaedah belajar melalui bermain ini sudah terbukti keberkesanannya dimana ia dapat dilihat didalam kajian-kajian lepas yang dijalankan terhadap kanak-kanak. Antara kajian yang boleh kita lihat adalah seperti kajian yang dilakukan oleh Zaharah Kamaruddin dan Suziyani Mohamed dalam jurnal yang bertajuk keberkesanan pendekatan bermain dalam kemahiran mengenal huruf melalui permainan Bahasa yang diterbitkan pada tahun 2019 yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap perkembangan kanak-kanak antara keputusan pentaksiran (IPPK) sebelum dan selepas intervensi, menunjukkan selepas intervensi pendekatan bermain, penguasaan kanak-kanak dalam kemahiran mengenal huruf meningkat. Kajian ini menunjukkan bahawa mengajar kanak-kanak prasekolah melalui bermain boleh meningkatkan keupayaan mereka untuk mengenal huruf dengan ketara.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Chew Fong Peng dan Mohd Fikri Ismail dalam jurnal yang bertajuk Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Prasekolah yang diterbitkan pada tahun 2020 juga menyatakan bahawa

Memandangkan majoriti kajian lepas telah menunjukkan keberkesanan pendekatan bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaannya perlu dikekalkan pada tahap yang tinggi. Tambahan pula aktiviti bermain ini bukan sahaja dapat mengembangkan kemahiran Bahasa dan literasi kanak-kanak, tetapi ia juga dapat mengembangkan kemahiran sosioemosi kanak-kanak yang dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Siti Affiza Mohammad, Zaharah Osman dan Azian Niza Abdul Aziz dalam jurnal yang bertajuk Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Melalui Aktiviti Main Peranan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Peringkat Prasekolah yang diterbitkan pada tahun 2021. Hasil kajian ini mendapati daripada aktiviti main peranan itu, kanak-kanak tersebut didapati berada dalam keadaan kawalan kendiri yang positif berbanding kawalan kendiri impulsif sebelum aktiviti itu diperkenalkan. Ini menunjukkan sejauh mana aktiviti mengajar sambil bermain ini dapat menarik perhatian kanak-kanak dan mengarahkannya ke arah pembelajaran yang akan dilakukan. Justeru, kaedah belajar sambil bermain perlu diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pasca covid bagi menyelesaikan isu tumpuan dan minat kanak-kanak terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di rumah.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian bermaksud proses pengumpulan data untuk menghasilkan maklumat bagi mencapai matlamat penyelidikan. Bergantung kepada matlamat dan sifat penyelidikan, metodologi kajian yang dipilih akan menentukan sama ada kajian itu berjaya atau tidak. Maklumat yang tidak tepat akan terhasil sekiranya teknik penyelidikan yang betul dan cekap tidak digunakan. (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2021).

### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini menggunakan metodologi kajian kuantitatif. Teknik kuantitatif digunakan kerana ia membolehkan pengkaji lebih mudah melihat tinjauan umum tentang kaedah belajar sambil bermain yang dilaksanakan oleh guru-guru Tabika KEMAS di Negeri Melaka semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran Pasca Covid. Manakala kajian tinjauan ialah jenis metodologi kajian yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini.

### **Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan 135 orang responden yang terdiri daripada kalangan guru Tabika KEMAS di negeri Melaka yang telah dipilih secara rawak berstrata.

### **Instrumen Kajian**

Borang soal selidik skala Likert digunakan sebagai instrumen kajian bagi mengkaji dan mengukur tahap penguasaan guru terhadap kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran pasca covid di Tabika KEMAS. Bagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, set borang soal selidik yang digunakan telah melalui proses kesahan dan kebolehpercayaan kandungan oleh 3 pakar iaitu Pensyarah Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Prasekolah dan Rendah Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan Penyelia Pendidikan Awal Kanak-kanak Zon B, KEMAS Negeri Melaka. Ujian rintis terhadap 25

orang guru Tabika KEMAS dari Negeri lain selain Melaka telah dilaksanakan dan mendapat nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha pada tahap yang tinggi dan cemerlang iaitu 0.97. Didalam set soalan soal selidik terdapat dua bahagian soalan yang perlu dijawab oleh sampel iaitu Bahagian A yang merangkumi maklumat demografi sampel kajian. Manakala Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan tentang tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain Pasca Covid. Dibawah merupakan soalan-soalan yang dibina bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang diwakili sebagai item B1 hingga B6.

Adakah guru Tabika KEMAS menggunakan kaedah belajar sambil bermain dalam menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran pasca Covid di Tabika KEMAS?

B1	Saya memahami kaedah Pengajaran dan Pembelajaran belajar sambil bermain.
B2	Saya melaksanakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran belajar sambil bermain semasa sesi PdPR.
B3	Saya menyediakan pelbagai bentuk permainan interaktif semasa sesi PdPR.
B4	Saya mempraktikkan Pengajaran dan Pembelajaran belajar sambil bermain didalam semua tunjang ketika sesi PdPR.
B5	Kanak-kanak sangat teruja melaksanakan tugas didalam bentuk permainan interaktif.
B6	Saya berkebolehan menyediakan aktiviti berbentuk permainan Ketika sesi PdPR.

## Prosedur Pengumpulan Data

Setelah menetapkan objektif kajian, menentukan reka bentuk, sampel dan lokasi kajian, pengkaji mula membuat proposal kajian. Kemudian, sebelum penyelidikan dijalankan, pengkaji membuat 1 set soalan soal selidik untuk para guru Tabika KEMAS di Negeri Melaka. Set soalan tersebut akan dihantar untuk semakan kandungan oleh 3 orang pakar. Setelah set soalan mendapat kesahan pakar, pengkaji mendapatkan kebenaran daripada pihak Jabatan KEMAS Negeri Melaka untuk menjalankan kajian rintis terhadap 25 orang guru Tabika KEMAS dan juga kajian sebenar terhadap 135 orang guru Tabika KEMAS Negeri Melaka. Kemudian, pengkaji memulakan proses kutipan data dan merekod data yang diperolehi. Data-data berkenaan akan dimasukkan ke dalam aplikasi SPSS versi 27 untuk dianalisis. Setelah dianalisis pengkaji akan menentukan pemilihan tema yang bersesuaian bagi penerangan hasil dapatan data. Penyelidikan ini tidak akan berhasil dengan lancar tanpa bantuan dan kerjasama daripada pihak Jabatan KEMAS dan para guru Tabika KEMAS yang terlibat.

## Analisis Data

Data yang diperolehi dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27 untuk mendapatkan taburan min, peratusan dan sisihan piawai. Analisis statistik deskriptif ialah kaedah statistik yang boleh digunakan untuk mengumpul dan menerangkan hasil kajian (Gravetter dan Wallnau, 2016). Perisian SPSS versi 27 digunakan untuk menganalisis data soal selidik. Kekerapan dan peratusan digunakan bagi menganalisis item dalam Bahagian A. Statistik deskriptif digunakan untuk menilai item dalam Bahagian B menggunakan statistik peratusan, min dan sisihan piawai.

## DAPATAN KAJIAN

### Latar belakang responden

Seramai 135 orang responden telah mengambil bahagian di dalam kaji selidik ini setelah 3 minggu di edarkan borang soal selidik. Seramai 96 (71.1%) orang responden daripada Daerah Melaka Tengah, 12 (8.9%) orang responden daripada Daerah Jasin dan 27 (20%) orang responden daripada Daerah Alor Gajah yang menyertai kaji selidik ini yang boleh dilihat didalam jadual 1.1.1.

Jadual 1.1.1

*Taburan responden mengikut Daerah tempat bertugas*

<b>Daerah</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Melaka Tengah	96	71.1
Jasin	12	8.9
Alor Gajah	27	20
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>100</b>

Jadual 1.1.2 pula menunjukkan tahap lingkungan umur responden yang mengambil bahagian di dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru yang mempunyai umur dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun merupakan penyumbang responden yang paling tinggi dengan bilangan guru Tabika sebanyak 38 (28.1%) orang. Diikuti pula oleh guru-guru Tabika yang berumur di dalam lingkungan 45 tahun keatas iaitu seramai 31 (23%) orang yang menyertai kajian ini. Seramai 28 (20.7%) orang guru Tabika di dalam lingkungan umur 36 hingga 40 tahun, 20 (14.8%) orang guru Tabika di dalam lingkungan umur 41 hingga 45 tahun, 17 (12.6%) orang guru Tabika di dalam lingkungan umur 26 hingga 30 tahun dan 1 (0.7%) orang guru Tabika di dalam lingkungan umur 20 hingga 25 tahun yang menyertai kajian ini.

Jadual 1.1.2

*Taburan responden mengikut umur*

<b>Umur</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
20 – 25 Tahun	1	0.7
26 – 30 Tahun	17	12.6
31 – 35 Tahun	38	28.1
36 – 40 Tahun	28	20.7
41 – 45 Tahun	20	14.8
45 Tahun keatas	31	23.0
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>100</b>

Jadual 1.1.3 pula menerangkan tentang tahap kelulusan akademik tertinggi responden yang mengambil bahagian di dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bilangan guru Tabika KEMAS yang memiliki Diploma merupakan responden yang paling ramai menyertai kajian ini iaitu seramai 114 (84.4%) orang. Kemudian diikuti oleh guru-guru Tabika KEMAS yang memiliki Ijazah Sarjana Muda iaitu seramai 13 (9.6%) orang dan guru-guru Tabika KEMAS yang memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja iaitu seramai 8 (5.9%) orang.

**Jadual 1.1.3**  
*Taburan tahap kelulusan akademik tertinggi responden*

<b>Kelulusan Akademik</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
SPM	8	5.9
Diploma	114	84.4
Ijazah Sarjana Muda	13	9.6
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>100</b>

#### **Tahap penguasaan guru Tabika KEMAS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid**

Secara keseluruhan min tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS yang di perolehi ialah 3.99 (SP = 0.62), manakala dari segi pengetahuan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS mempunyai nilai min sebanyak 3.98 (SP = 0.65) dan perlaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS mempunyai nilai min sebanyak 4.00 (SP = 0.64) yang boleh di lihat dalam jadual 1.2.1.

Terdapat tiga item yang mempunyai nilai min yang lebih tinggi daripada min keseluruhan iaitu item pada B1, B2 dan B5. Nilai min bagi item B1 adalah sebanyak 4.21 (SP = 0.76), B2 pula ialah Min = 4.07 (SP = 0.77) dan B5 pula ialah sebanyak Min = 4.13 (SP = 0.74). Manakala terdapat tiga item juga yang berada pada tahap yang rendah daripada min keseluruhan iaitu pada item B3, B4 dan B6. Nilai min bagi item B3 adalah sebanyak 3.91 (SP = 0.64), B4 pula ialah Min = 3.90 (SP = 0.68) dan B6 pula ialah sebanyak Min = 3.76 (SP = 0.67) yang boleh di lihat dalam jadual 1.2.1.

**Jadual 1.2.1**

*Min dan sisihan piawai tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS*

<b>Data Belajar Sambil Bermain</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Tahap pengetahuan	3.98	0.65
Tahap perlaksanaan	4.00	0.64
B1	4.21	0.76
B2	4.07	0.77
B3	3.91	0.64
B4	3.90	0.68
B5	4.13	0.74
B6	3.76	0.67
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>3.99</b>	<b>0.62</b>

**PERBINCANGAN**

Jadual 1.2.1 menunjukkan min tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS yang di perolehi adalah berada pada tahap yang tinggi nilai minnya iaitu 3.99 (SP = 0.62) secara keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan guru Tabika KEMAS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid adalah berada di tahap yang baik. Dimana ia dapat dilihat dari segi pengetahuan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS yang mempunyai nilai min sebanyak 3.98 (SP = 0.65) yang berada di dalam lingkungan nilai yang tinggi juga. Ini bermakna walaupun modul pengajaran dan pembelajaran di rumah baru di perkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, namun guru-guru di Tabika KEMAS memahami bagaimana hendak menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dirumah menggunakan kaedah belajar sambil bermain ketika pasca covid. Begitu juga didalam perlaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca Covid di Tabika KEMAS, yang mempunyai nilai min yang berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.00 (SP = 0.64) yang melebihi nilai min keseluruhan. Ini menunjukkan guru-guru bukan sahaja mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid tetapi mereka juga melaksanakannya dengan baik di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pasca covid.

Hal ini adalah kerana guru-guru telah menguasai kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain dengan sangat baik. Mereka hanya perlu untuk mempelajari dan menguasai bagaimana membina permainan interaktif dan bagaimana untuk mengolahkan kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dirumah. Pihak Jabatan KEMAS juga memainkan peranan penting dalam memastikan bahawa guru-guru di Tabika KEMAS mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengajar menggunakan kaedah belajar sambil bermain pasca covid dengan menyediakan kursus-kursus menggunakan aplikasi multimedia untuk membina permaianan atau video interaktif yang boleh digunakan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pasca covid.

Selain itu, inisiatif guru-guru dalam meneroka, mempelajari dan menggunakan aplikasi-aplikasi yang boleh di dapati secara percuma di atas talian merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada tingginya tahap penguasaan guru Tabika KEMAS terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid. Dimana pernyataan ini dapat disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Chew Fong Peng dan Mohd Fikri Ismail dalam jurnal yang bertajuk Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Prasekolah yang diterbitkan pada tahun 2020 yang menyatakan bahawa sikap dan motivasi guru terhadap pelaksanaan pendekatan bermain perlu dikekalkan pada tahap positif kerana kebanyakan kajian lepas membuktikan keberkesanan pendekatan bermain dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu.

Dari segi tafsiran itemnya pula terdapat tiga item yang mempunyai nilai min yang lebih tinggi daripada min keseluruhan iaitu item pada B1, B2 dan B5. Dimana, item pada B1 mempunyai nilai min yang berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu  $\text{Min} = 4.21$  ( $\text{SP} = 0.76$ ). Dapatkan ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru di Tabika KEMAS sangat memahami kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid. Pada item B2 pula mempunyai nilai  $\text{Min} = 4.07$  ( $\text{SP} = 0.77$ ) dimana ia berada di dalam lingkungan min yang tinggi yang menunjukkan bahawa guru-guru di Tabika KEMAS melaksanakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran belajar sambil bermain semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah. Manakala pada item B5 pula mempunyai nilai min yang berada pada tahap yang tinggi juga iaitu  $\text{Min} = 4.13$  ( $\text{SP} = 0.74$ ) yang menunjukkan bahawa kaedah belajar sambil bermain ini dapat menarik minat kanak-kanak dan menjadikan kanak-kanak sangat teruja melaksanakan tugasan didalam bentuk permainan interaktif. Dapatkan ini adalah selari dengan hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh Zaharah Kamaruddin dan Suziyani Mohamed (2019), yang menyatakan penggunaan kaedah pembelajaran melalui bermain amat berkesan dalam mempertingkatkan kemahiran mengenal huruf terhadap murid-murid prasekolah. Selain itu, hasil dapatan ini juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Affiza Mohammad, Zaharah Osman dan Azian Niza Abdul Aziz dalam jurnal yang bertajuk Perkembangan Sosioemosi Kanak-kanak Melalui Aktiviti Main Peranan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Peringkat Prasekolah yang diterbitkan pada tahun 2021 yang mendapati bahawa sebelum aktiviti main peranan dilaksanakan, kanak-kanak berada dalam keadaan kawalan kendiri impulsif, tetapi setelah aktiviti main peranan dilaksanakan, kanak-kanak berada dalam keadaan kawalan kendiri positif.

Manakala terdapat tiga item juga yang berada pada tahap yang rendah daripada min keseluruhan iaitu pada item B3, B4 dan B6. Nilai min bagi item B3 adalah sebanyak 3.91 ( $\text{SP} = 0.64$ ), B4 pula ialah  $\text{Min} = 3.90$  ( $\text{SP} = 0.68$ ) dan B6 pula ialah sebanyak  $\text{Min} = 3.76$  ( $\text{SP} = 0.67$ ) yang juga masih berada pada tahap yang tinggi walaupun nilai minnya dibawah nilai min keseluruhan. Dapatkan ini menunjukkan bahawa tahap perlaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain adalah berada pada tahap yang baik.

## IMPLIKASI DAN CADANGAN

Konsep pembelajaran yang berbeza dan berterusan ini memerlukan usaha yang gigih dalam memastikan kanak-kanak dapat menimba ilmu dengan pelbagai aktiviti yang telah disediakan oleh guru-guru. Implikasi daripada Virus covid-19 ini telah mendatangkan pelbagai hikmah iaitu ibu bapa lebih prihatin dan memberi perhatian kepada perkara yang berkaitan dengan perihal anak

mereka. Selain itu, hubungan antara ibu bapa dan anak-anak akan menjadi lebih mesra serta dapat mengelakkan kanak-kanak menjadikan gadjet sebagai teman utama mereka. Tambahan pula, implikasi daripada Virus covid-19 ini menjadikan guru lebih kreatif, inovatif dan berdaya saing dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran demi meningkatkan tahap penguasaan mereka dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran di rumah yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Selain itu, guru juga perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan aktiviti-aktiviti yang disediakan dapat menarik minat dan fokus kanak-kanak proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan haruslah berkesan, bermakna dan mencapai matlamat. Guru juga perlu memastikan tiada kanak-kanak yang ketinggalan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan.

Implikasi daripada dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru di Tabika KEMAS mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid dan bersedia untuk meningkatkan diri dalam menguasai sesuatu ilmu baharu. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan dan cekap jika pihak Jabatan dapat menyediakan peralatan yang lebih lengkap kepada para guru Tabika KEMAS dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pasca covid dan menyampaikan segala maklumat yang diperlukan oleh guru dengan betul, cepat dan tepat tentang perkara-perkara baharu seperti pengajaran dan pembelajaran di dalam norma baru secara atas talian (*online*), luar talian (*offline*) dan luar kawasan (*off site*). Peralatan-peralatan teknologi seperti komputer, laptop, internet dan mesin pencetak amat-amat diperlukan apabila melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pasca covid.

Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan agar pihak Jabatan dapat menyediakan keperluan dan kelengkapan yang diperlukan oleh para guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pasca covid. Ini kerana, sebelum ini guru-guru hanya menggunakan segala peralatan ICT peribadi sendiri untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pasca covid. Peralatan dan kelengkapan ICT ini amat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada abad ini bukan sahaja ketika pasca covid tetapi juga ia kerap digunakan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka. Selain itu, pengkaji juga ingin mencadangkan agar pihak Jabatan KEMAS dapat menyediakan kursus-kursus multimedia dan penggunaan aplikasi permainan interaktif dengan lebih meluas agar guru-guru di Tabika KEMAS terdedah dan boleh mengendalikan dan mengaplikasikan ilmu berkenaan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada masa akan datang. Ini kerana sebelum ini ada diantara guru yang mempelajari dan meneroka tentang penggunaan multimedia dan aplikasi-aplikasi permainan interaktif dengan inisiatif guru sendiri kerana kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak KEMAS adalah terhad jumlah pesertanya. Tidak semua guru dapat menghadiri kursus yang diperuntukkan oleh pihak Jabatan KEMAS. Sehubungan dengan itu penyelidik mencadangkan agar pihak Jabatan KEMAS dapat memperuntukkan dan menganjurkan kursus-kursus ini secara meluas dan menyeluruh agar semua guru Tabika KEMAS dapat menyertainya.

## RUMUSAN

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti sejauhmana tahap penguasaan guru terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran belajar sambil bermain pasca covid di Tabika KEMAS. Secara keseluruhannya setelah menganalisis soal selidik bagi 135 responden, dapatkan kajian

menunjukkan bahawa tahap penguasaan guru Tabika KEMAS terhadap kaedah belajar sambil bermain berada pada tahap yang tinggi. Ini bermakna guru-guru di Tabika KEMAS sangat memahami kaedah belajar sambil bermain dan boleh mempraktikkannya di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran pasca covid dengan baik.

Dimana dengan hasil dapatan yang diperolehi oleh penyelidik, membuktikan bahawa guru-guru di Tabika KEMAS cepat belajar tentang proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza semasa pasca covid. Ini kerana hasil dapatan kajian ini menunjukkan walaupun modul pengajaran dan pembelajaran di rumah baru diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia akan tetapi guru-guru di Tabika KEMAS dapat memahami dan mempraktikkan kaedah belajar sambil bermain, di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pasca covid secara atas talian (*online*), luar talian (*offline*) atau luar Kawasan (*off site*).

## RUJUKAN

- Azizah Lebai Nordin. (2011). Study guide introduction to early childhood education. Kuala Lumpur, Malaysia: Open university Malaysia.
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa tempoh Pandemik Covid-19. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Esah Sulaiman. (2012). Pengenalan Pedagogi Edisi Kedua. Johor, Malaysia: Terbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian Edisi Ketiga. Kuala Lumpur, Malaysia: Terbitan Universiti Malaya
- Ima Eryanty Abdul Manaf & Adam Zulkarnain Saleng (2020). Pandemik: Pendekatan Pelaksanaan Latihan. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)
- Kementerian Kesihatan Malaysia, (2020) Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (COVID 19) : Putra Jaya, Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah. : Putra Jaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Versi 2. : Putra Jaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mary Yap Kain Ching. (2015). Guru berperanan lahir pelajar capai standard global. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/08/74472/guru-berperanan-lahir-pelajar-capai-standard-gobal>
- Mazura Sulaiman & Wak Chu Wok. (2018). Tinjauan Tentang Pengetahuan dan Penerimaan Terhadap Pengajaran Berbeza Dalam Kalangan Siswa Pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan : IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur
- Mohammad, S. A., Osman, Z., & Abdul Aziz, A. N. (2021). Perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah. Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 10(2), 47-60. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.5.2021>
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah, (2021). Norma Baharu : Cabaran Pengajaran Digital Seacara Maya Pasca Covid 19. : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Malaysia.
- Peng Chew, F., & Fikri Ismail, M, (Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, M. (2020). Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Prasekolah. 9(1), 14–25.
- Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail & Wan Mohd Khairul Wan Isa, (2020). Peranan Dan Cabaran Pemimpin Pendidikan Dalam Memastikan Matlamat Dan Agenda Pendidikan Dilestari Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. Dicapai daripada <https://iab.moe.edu.my/bahanportal/pemberitahuan/2020/2.%20PERANAN%20DAN%20CABARAN%20PEMIMPIN%20PENDIDIKAN.pdf>
- Rohani Ab Ghani. (2021). Pandemik Covid-19 dan Norma Baru Dalam Pendidikan di Malaysia. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia. Sintok, Kedah: Malaysia.

- Rohani Abdullah, Nani Menon & Mohd Sharani Ahmad. (2007). Panduan kurikulum prasekolah. Selangor, Malaysia: PTS professional publishing sdn.bhd.
- Siti Balqis Mahlan & Muniroh Hamat. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian Semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang. Pulau Pinang: Malaysia
- Siti Nurbaizura Che Azizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan guru terhadap pembelajaran dalam talian melalui pendekatan Home Based Learning semasa tempoh pandemik COVID-19. PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature, 11 (Edisi Khas COVID-19), 46-57
- Wan Ya Shin, ( 18 April 2020). Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Artikel Pendidikan Sepanjang Krisis COVID-19.
- Zaharah Kamaruddin, S. M. (2019). Keberkesanan Pendekatan Bermain Dalam Kemahiran Mengenal Huruf Melalui Permainan Bahasa. April, 108–118.